

7
NO SOALAN :14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19.03.2018

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pengutipan cukai pendapatan persendirian dan perniagaan pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Nyatakan bilangan rayuan yang telah diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada pembayar cukai yang tidak puas hati dengan anggaran pencukaian LHDN pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah kutipan cukai pendapatan individu dan perniagaan bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah seperti berikut:

Klasifikasi Cukai	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)
Cukai Pendapatan Individu	26,321	27,566
Cukai Pendapatan Syarikat	63,679	63,625

Kutipan cukai pendapatan individu dan perniagaan bagi tahun 2017 pula belum dapat disediakan memandangkan tarikh akhir pengembalian borang nyata cukai pendapatan belum tamat.

Manakala bilangan pembayar cukai yang telah mengemukakan rayuan kerana tidak berpuas hati dengan pindaan cukai yang dilakukan LHDNM adalah sebanyak 1,629 permohonan bagi tempoh tahun 2015 sehingga 2017.